

# '8 minit paling lama dalam hidup saya'

Kosmo m/s 3 16.10.07

KUALA LUMPUR - "Lapan minit yang diambil oleh kapal angkasa Soyuz TMA-11 untuk memasuki orbit nampaknya tempoh paling lama dalam hidup saya."

Itulah reaksi angkasawan Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha kepada Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dari Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) melalui persidangan video selama 10 minit di sini malam tadi.

"Saya menikmati dan menghargai setiap saat berada di ISS dan berharap boleh berada di sini lebih lama," katanya yang kelihatan bersemangat dan ceria.

Beliau turut menceritakan pengalaman unik hidup dalam persekitaran graviti sifar sehingga tidur dan terjaga

di lokasi yang berbeza.

Beliau juga mengadakan 'rumah terbuka' semalam dengan krew-krew ISS meminati mangga kering dan juga kek gulung pisang.

"Saya juga memakai baju batik semalam dan mereka yang lain mengatakan ia cantik," katanya.

Persidangan video itu juga memberikan peluang kepada rakyat Malaysia menyaksikan beliau bergerak dalam keadaan graviti sifar di ISS selain mendengar angkasawan Rusia, Yuri Malenchenko mengirimi salam kepada rakyat Malaysia.


Malenchenko, jurutera penerbangan, dan angkawasan Amerika Syarikat Peggy Whitson merupakan krew kapal angkasa Soyuz TMA-11 yang berlepas bersama Dr. Sheikh dari Baikonur Cos-

modrome di Kazakhstan pada 10 Oktober lalu.

Kapal angkasa Soyuz bercantum dengan ISS pada 10.52 malam waktu Malaysia pada 12 Oktober dan ketigatiga mereka menyertai dengan Komander Fyodor Yurchikhin, Jurutera Penerbangan Oleg Kotov dan Clay Anderson, tiga krew misi sebelum ini ke ISS, pada lebih kurang 12.33 tengah hari waktu Malaysia.

Sheikh Muszaphar berkata, ujikaji terhadap protein bagi vaksin HIV disiapkan semalam dan beliau akan terabit dalam uji kaji kedua hari ini.

Beliau dijadual pulang ke bumi pada 21 Oktober bersama dua angkasawan Rusia, Yurchikhin dan Kotov, sementara Whitson dan Malenchenko akan terus berada di ISS.



REAKSI ceria Dr. Sheikh Muszaphar semasa tele-persidangan dari ISS malam tadi.